

08/03/1997

GP Malaysia '97: Restu Dr Mahathir dorongan terbaik

ANCAMAN pembatalan sudah diatasi. Kini Grand Prix Malaysia dihadihkan sokongan moral apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menzahirkan persetujuan menjadi penaung perlumbaan berprestij itu.

Sesudah rancangan Grand Prix musim 1997 di Shah Alam yang dijadualkan pada 13 April ini digegarkan dengan pelbagai ancaman, buah tangan Perdana Menteri itu adalah tonik penyegar paling mantap untuk kembali mencerikan pelbagai pihak, khususnya penganjur pelumbaan.

Pengarah Urusan Malaysian Airports Berhad (MAB), Datuk Khairuddin Ibrahim, jelas tidak mampu menyembunyikan kegembiraan dengan berkata: "Kami benar-benar risau pada mulanya kerana MAB bertanggungjawab menganjurkan Grand Prix Malaysia kali ini.

"Tapi apabila mendapat berita ini (persetujuan Perdana Menteri), saya sungguh terharu dan amat gembira. Sesungguhnya ia memberi sokongan moral kepada kami untuk terus berjaya.

"Untuk itu, saya ingin merakamkan rasa penghargaan yang amat sangat kepada Perdana Menteri kerana sokongan peribadinya. Saya pasti sokongan itu akan menyemarakkan semangat pekerja MAB untuk bekerja keras," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Namun, sokongan Dr Mahathir bukan baru dalam dunia perlumbaan motosikal dan Formula Satu (F1). Kecintaannya terhadap dunia automotif, perlumbaan motosikal dan F1 sememangnya sangat mendalam.

Sekitar Oktober tahun lalu, Perdana Menteri bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, terbang ke Estoril, Portugal untuk menonton kehebatan perlumbaan Grand Prix Portugal.

Di situ juga, Dr Mahathir mengumumkan Malaysia sudah bersedia untuk menganjur perlumbaan F1 bagi musim 1999.

Dalam perkembangan lain, Khairuddin memperjelaskan hubungannya dengan Marlboro Malaysia Grand Prix kini kian akrab dan sedang menuju proses mesra.

"Kami hanya ada masa sebulan lagi dan pekerja MAB sedang bekerja keras memastikan perlumbaan kali ini sangat meriah," katanya.

MAB dan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) adalah penaja bersama perlumbaan Grand Prix Malaysia 1997.

(END)